

**MEMBENTUK KERANGKA STRATEGI
KESEDARAN DAN PEMBUDAYAAN ALAM
SEKITAR DALAM PENDIDIKAN ALAM SEKITAR
DI KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI**

FARHAH IZZATI BINTI ZUBIR

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

MEMBENTUK KERANGKA STRATEGI KESEDARAN DAN PEMBUDAYAAN
ALAM SEKITAR DALAM PENDIDIKAN ALAM SEKITAR DI KALANGAN
PELAJAR UNIVERSITI

FARHAH IZZATI BINTI ZUBIR

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

INSTITUT ALAM SEKITAR DAN PEMBANGUNAN (LESTARI)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2025

ESTABLISHING STRATEGIC FRAMEWORK FOR ENVIRONMENTAL
AWARENESS AND CULTURE IN ENVIRONMENTAL EDUCATION AMONG
UNIVERSITY STUDENTS

FARHAH IZZATI BINTI ZUBIR

THESIS SUBMITTED IN FULFILMENT FOR THE DEGREE OF
DOCTOR OF PHILOSOPHY

INSTITUTE FOR ENVIRONMENT AND DEVELOPMENT (LESTARI)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI


2025

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

22 Mac 2025

FARHAH IZZATI BINTI ZUBIR
P88777



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi dengan izin-Nya dapat saya sempurnakan tesis ini dengan nikmat kesihatan yang baik, tempoh masa yang ditetapkan, kesabaran dan semangat juang yang tinggi dalam perjuangan akademik ini. Sesungguhnya, sebuah perjalanan yang cukup panjang penuh berliku menjadikan diri ini kenal erti pengalaman, kejerihan, kebangkitan dan kenangan yang amat berharga.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada penyelia utama saya iaitu Profesor Dr. Ahmad Fariz Mohamed dan penyelia bersama iaitu Dato' Shaharuddin Mohamad Ismail atas segala ilmu yang dicurahkan, bimbingan dan tunjuk ajar tanpa henti serta segala kata-kata nasihat dan semangat yang sentiasa disematkan untuk menjadi panduan dalam menyiapkan tesis ini. Ucapan ribuan terima kasih saya tujukan khususnya buat Encik Nik Mohd Noor Faizul Md Saad selaku pensyarah penyelarar Kursus Penjelajahan Ekosistem Alam Sekitar (LMCP1522) yang tidak pernah lokek berkongsi pandangan dan bekalan maklumat untuk kajian saya dan dibantu oleh pembantu penyelidik iaitu Cik Nurlina Mohamad Ramzan dan Cik Nurul Hidayah Shamsul Ariffin.

Penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih ditujukan khas buat keluarga tercinta terutamanya suami, Tuan Kamarul Hisam Ab Ghani, bonda, Puan Hajah Faridah Mohd Yusoff, bonda mentua, Puan Zaharah Abdullah, adik-beradik (Along, Kakngah, Paklang dan Bangcik), ipar duai, anak-anak buah serta seluruh ahli keluarga dan saudara-mara yang sentiasa memberikan bantuan dari segi kewangan, sokongan moral, titipan doa dan nasihat untuk meneruskan perjuangan hingga ke garisan penamat. Semoga Allah S.W.T. memberikan ganjaran atas kebaikan kalian. Terimalah kejayaan akademik ini sebagai hadiah terindah buat kalian.

Tidak dilupakan sekalung penghargaan buat semua felo, para pegawai, staf sokongan dan sekretariat siswazah LESTARI terutamanya Puan Nur Amira Ahmad dan Puan Nurhayati Abdul Rahim yang banyak membantu dari sudut pentadbiran, pengurusan dan teknikal serta khidmat nasihat. Buat rakan-rakan seperjuangan khususnya Dr. Nur Khairlida Muhamad Khair, Dr. Nurul Ashikin Alias dan sahabat handai, jutaan terima kasih atas segala pertolongan dan suntikan motivasi yang diberikan dalam pelbagai bentuk. Tidak dilupakan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang tidak mampu saya titipkan seorang demi seorang namun percayalah diri ini akan sentiasa mengingati jasa kalian. Semoga Allah S.W.T. jua yang dapat membalasnya.

Akhir kalam, saya abadikan penghargaan teristimewa dengan ingatan penuh kasih buat tiga insan iaitu ayahanda Almarhum Haji Zubir Abdul Karim, ayahanda mentua Almarhum Haji Ab Ghani Pa'adek dan penyelia Almarhum Profesor Madya Dr. Shaharudin Idrus yang sentiasa merestui dan menyokong usaha akademik saya ini sewaktu hayat mereka. Sesungguhnya, rindu tidak berpenghujung ini amat memeritkan. Semoga perjuangan ilmu ini menjadi saham pahala buat mereka di negeri abadi. Al-Fatihah.

**MEMBENTUK KERANGKA STRATEGI KESEDARAN DAN PEMBUDAYAAN
ALAM SEKITAR DALAM PENDIDIKAN ALAM SEKITAR DI KALANGAN
PELAJAR UNIVERSITI**

ABSTRAK

Kegagalan menterjemahkan pengetahuan alam sekitar kepada bentuk amalan dan tindakan secara tidak langsung menjadi antara punca kemusnahan alam sekitar. Menyingkapi hakikat ini, pendidikan alam sekitar atau *Environmental Education* (EE) menjadi salah satu pentas utama dalam usaha memberikan ilmu, memupuk kesedaran, memberi pendedahan awal serta membudayakan tingkah laku yang baik terhadap alam sekitar dan kelestarian. Menyokong usaha ini, Universiti Kebangsaan Malaysia telah memperkenalkan Kursus Penjelajahan Ekosistem Alam Sekitar (Kod: LMCP1522) sebagai kursus elektif yang menggabungkan pembelajaran di dalam kelas dan aktiviti luar secara praktikal kepada pelajar. Justeru, tesis ini bertujuan untuk menjawab empat objektif iaitu mengenal pasti status kesedaran dan tahap literasi alam sekitar pelajar; menentukan hubungan antara komponen literasi alam sekitar merangkumi pengetahuan, sikap dan amalan (K-A-P) pelajar; menilai bentuk dan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dari perspektif tenaga pengajar dan pelajar; serta membentuk kerangka strategi untuk meningkatkan kesedaran dan pembudayaan amalan alam sekitar. Kaedah kajian melibatkan pendekatan campuran melalui teknik penjelasan berturutan (*explanatory sequential*). Kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik yang telah ditadbir kepada 108 orang responden dan dianalisis secara statistik deskriptif. Hasil analisis dalam konteks kesedaran alam sekitar pelajar menunjukkan bahawa majoriti responden menggunakan media sosial sebagai sumber maklumat utama berkaitan alam sekitar. Sebilangan besar mereka melakukan pencarian maklumat mengenai alam sekitar secara puratanya kurang daripada 30 minit dalam seminggu. Kebanyakan mereka memilih isu berkaitan pencemaran air yang dianggap paling utama dan kritikal. Kebanyakan pelajar menyedari aspek kelestarian meliputi tiga komponen iaitu alam sekitar, ekonomi dan sosial serta terdapat 17 matlamat pembangunan lestari (SDG) yang digariskan. Berkenaan dengan tahap literasi, pelajar mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dan sikap yang positif terhadap alam sekitar. Namun, amalan mereka terhadap alam sekitar berada pada tahap sederhana. Penelitian hubungan antara komponen literasi alam sekitar melalui analisis inferensi (korelasi) menunjukkan terdapat hubungan sederhana kuat yang signifikan bagi komponen sikap dan pengetahuan serta komponen amalan dan sikap manakala wujudnya hubungan lemah yang signifikan antara komponen pengetahuan dan amalan. Berdasarkan hasil temu bual melalui analisis tematik pula, bentuk dan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) Kursus LMCP1522 dapat dijelaskan menerusi enam faktor termasuk reka bentuk kurikulum; pendekatan pedagogi; peranan tenaga pengajar; penilaian prestasi pelajar; isu dan cabaran dalam melaksanakan EE; serta cadangan penambahbaikan kursus. Analisis SWOT dilaksanakan untuk mengintegrasikan dapatan kuantitatif dan kualitatif bagi menilai kesan positif dan negatif. Hasil analisis ini membantu memformulasikan pembentukan kerangka strategi untuk meningkatkan kesedaran dan pembudayaan amalan alam sekitar. Secara keseluruhannya, hasil kajian tesis ini menyumbang ke arah merealisasikan agenda pendidikan alam sekitar dan kelestarian selari dengan sasaran matlamat SDG 4 berkenaan pendidikan berkualiti.

ESTABLISHING STRATEGIC FRAMEWORK FOR ENVIRONMENTAL AWARENESS AND CULTURE IN ENVIRONMENTAL EDUCATION AMONG UNIVERSITY STUDENTS

ABSTRACT

The failure to translate environmental knowledge into practices and actions becomes one of the indirect causes of environmental destruction. Reflecting this fact, environmental education (EE) is believed to be instrumental in providing knowledge, fostering awareness, providing early exposure and cultivating good behavior towards the environment and sustainability. Supporting this effort, Universiti Kebangsaan Malaysia has introduced the Ecosystem Discovery Journey Course (Code: LMCP1522) as one of the learning platforms to equip and instill sustainable environmental practices among university undergraduate students. This elective course is conducted with the application of both classroom learning and hands-on activities through experiential learning to allow better understanding on the concept of EE. Hence, this study was carried out with the objectives to identify the status of environmental awareness and environmental literacy level of the students; determine the relationship between their environmental literacy components comprising of knowledge, attitude and practice; investigate teaching and learning components from the perspectives of educators and students involved as well as to establish a strategic framework to increase one's environmental awareness and culture of environmental practices. This study applied explanatory sequential mixed-method design which implied conducting quantitative method first followed by qualitative method. Questionnaires were administered to 108 respondents and descriptive statistics were conducted. Results of the survey showed that students' environmental awareness can be depicted through media social as the most preferred source of environmental information. For the purpose of searching for information related to environment, most of them allocated less than 30 minutes weekly. In regard to environmental issues, water pollution was ranked to be the most highlighted and critical one. Most respondents comprehended that sustainability comprised of environmental, social and economic pillars and there were 17 sustainable development goals (SDGs) proposed. With respect to environmental literacy levels, students mostly portrayed a high level of knowledge and positive attitude but a moderate level of environmental practice. Inferential statistics showed a moderate and significant correlational degree between environmental knowledge and attitude. The same correlational pattern was obtained in terms of environmental attitude and practice. In contrast, students' environmental knowledge and practice portrayed a weak and significant relationship. Based on thematic analysis from the interview conducted, teaching and learning components can be best explained through six significant factors including curriculum design; pedagogical approaches; educator's roles; student's performance; issues and challenges in implementing EE; and way forward for the course enhancement. SWOT analysis was employed to examine any possible positive and negative impacts on this course and to formulate appropriate strategic framework in fostering environmental awareness and cultivating environmental practices. Overall, this study contributes towards deeper understanding on better EE and sustainability implementation especially in achieving quality education as highlighted in SDG 4.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI ILUSTRASI	xvi
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB I	PENGENALAN	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pendidikan Alam Sekitar (EE) Memacu Kelestarian	1
	1.2.1 Inisiatif Pendidikan Alam Sekitar (EE) di Malaysia	2
	1.2.2 Pembelajaran Berasaskan Pengalaman melalui Pendidikan Alam Sekitar (EE)	5
1.3	Pendidikan Alam Sekitar (EE) di Universiti: Kajian Kes Kursus Penjelajahan Ekosistem Alam Sekitar (LMCP1522)	6
1.4	Pernyataan Masalah	7
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Objektif Kajian	10
1.7	Hipotesis Kajian	11
1.8	Kepentingan Kajian	11
1.9	Takrifan Operasi	12
	1.9.1 Alam Sekitar	12
	1.9.2 Kelestarian	13
	1.9.3 Kelestarian Alam Sekitar	13
	1.9.4 Pendidikan Alam Sekitar	13
	1.9.5 Kesedaran Alam Sekitar	14
	1.9.6 Literasi Alam Sekitar	14
	1.9.7 Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)	16
	1.9.8 Pembudayaan Alam Sekitar	16
1.10	Limitasi Kajian	16

1.11	Organisasi Tesis	17
BAB II	ULASAN KEPUSTAKAAN	
2.1	Pengenalan	20
2.2	Takrifan Pendidikan Alam Sekitar (EE)	21
2.3	Sejarah Perkembangan Pendidikan Alam Sekitar (EE)	22
2.4	Pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar (EE) di Peringkat Global	28
2.4.1	New Zealand	28
2.4.2	China	29
2.4.3	Turkiye	30
2.5	Pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar (EE) di Malaysia	31
2.5.1	Senario Pendidikan Alam Sekitar (EE) di Sekolah	32
2.5.2	Kesinambungan Pendidikan Alam Sekitar (EE) di Universiti/IPT	33
2.5.3	Peranan Universiti dalam Mendidik Kelestarian	34
2.5.4	Konsep Kelestarian Kampus sebagai Inisiatif dalam Pendidikan Alam Sekitar (EE)	36
2.6	Literasi Alam Sekitar (EL)	37
2.6.1	Pengetahuan tentang Alam Sekitar	41
2.6.2	Sikap terhadap Alam Sekitar	42
2.6.3	Amalan terhadap Alam Sekitar	44
2.7	Kesukarelawanan Alam Sekitar dari Kanta EE	45
2.8	Cabaran dan Kekangan dalam Penyampaian EE	49
2.8.1	Pembangunan Kurikulum	49
2.8.2	Pendekatan Pedagogi	50
2.8.3	Penglibatan dan Kesedaran Pihak Berkepentingan	51
2.8.4	Sokongan dan Sumber	53
2.9	Konteks Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dalam EE	54
2.9.1	Paradigma Pembelajaran	54
2.9.2	Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang Berkesan	56
2.10	Sintesis Kerangka Konsep Kajian	58
2.10.1	Adaptasi Teori-teori Berkaitan	59
2.10.2	Kerangka Konsep Kajian	66
2.11	Rumusan	71

BAB III	KAEDAH KAJIAN	
3.1	Pengenalan	72
3.2	Paradigma Kajian	72
3.2.1	Justifikasi Pragmatisme sebagai Paradigma Kajian	73
3.3	Reka Bentuk Kajian Kaedah Campuran	74
3.4	Kerangka Kaedah Kajian	78
3.5	Subjek Kajian	80
3.6	Fasa I: Kaedah Kuantitatif melalui Soal Selidik	81
3.6.1	Pembangunan Instrumen	82
3.6.2	Kesahan Soal Selidik	89
3.6.3	Ujian Pra	92
3.6.4	Kajian Rintis	93
3.6.5	Analisis Kebolehpercayaan	93
3.6.6	Kajian Lapangan	94
3.6.7	Analisis dan Persembahan Data Soal Selidik	96
3.7	Fasa II: Kaedah Kualitatif melalui Temu Bual	97
3.7.1	Pembentukan dan Kesahan Instrumen Temu Bual	98
3.7.2	Persampelan Informan	99
3.7.3	Analisis dan Persembahan Data Temu Bual	100
3.8	Fasa III: Integrasi Kaedah Kuantitatif dan Kualitatif melalui Analisis SWOT	102
3.8.1	Prosedur Analisis SWOT	103
3.9	Rumusan	104
BAB IV	ANALISIS STATUS KESEDARAN DAN TAHAP LITERASI ALAM SEKITAR PELAJAR SERTA HUBUNGAN KOMPONEN PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN TERHADAP ALAM SEKITAR	
4.1	Pengenalan	106
4.2	Status Kesedaran dan Tahap Literasi Alam Sekitar Pelajar	107
4.2.1	Bahagian A: Demografi	107
4.2.2	Bahagian B: Kesedaran Alam Sekitar	109
4.2.3	Bahagian C: Tahap Literasi Alam Sekitar	114
4.3	Hubungan Komponen Literasi Alam Sekitar	130
4.3.1	Ujian Kenormalan Data	130
4.3.2	Ujian Hipotesis melalui Analisis Korelasi Spearman	131
4.4	Rumusan	133

BAB V	PERBINCANGAN STATUS KESEDARAN DAN TAHAP LITERASI ALAM SEKITAR PELAJAR SERTA HUBUNGAN ANTARA KOMPONEN PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN TERHADAP ALAM SEKITAR	
5.1	Pengenalan	135
5.2	Status Kesedaran dan Tahap Literasi Alam Sekitar Pelajar	135
5.2.1	Bahagian A: Kesedaran Alam Sekitar	136
5.2.2	Bahagian B: Tahap Literasi Alam Sekitar	139
5.3	Hubungan antara Komponen Literasi Alam Sekitar	144
5.3.1	Ujian Hipotesis melalui Analisis Korelasi Spearman	144
5.4	Penemuan Hasil Kajian Kuantitatif: Perbandingan dengan Pengalaman Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Lain	145
5.5	Rumusan	148
BAB VI	ANALISIS BENTUK DAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DARI PERSPEKTIF TENAGA PENGAJAR DAN PELAJAR	
6.1	Pengenalan	150
6.2	Hasil Temu Bual bersama Informan	150
6.3	Hasil Penilaian Kendiri Pelajar melalui Soal Selidik	153
6.4	Rumusan	155
BAB VII	PERBINCANGAN BENTUK DAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DARI PERSPEKTIF TENAGA PENGAJAR DAN PELAJAR	
7.1	Pengenalan	156
7.2	Perbincangan Hasil Analisis Tematik Temu Bual	156
7.2.1	Tema Reka Bentuk Kurikulum	157
7.2.2	Tema Pendekatan Pedagogi	160
7.2.3	Tema Peranan Tenaga Pengajar	163
7.2.4	Tema Penilaian	174
7.2.5	Tema Isu dan Cabaran	178
7.2.6	Tema Cadangan Penambahbaikan Kursus	181
7.3	Perbincangan Hasil Analisis Penilaian Kendiri Pelajar	185
7.4	Rumusan	187

BAB VIII	CADANGAN PEMBENTUKAN KERANGKA STRATEGI UNTUK MENINGKATKAN KESEDARAN DAN PEMBUDAYAAN AMALAN ALAM SEKITAR	
8.1	Pengenalan	189
8.2	Hasil dan Perbincangan Analisis SWOT	189
8.2.1	Prosedur Pengumpulan Data dan Hasil Keseluruhan Analisis SWOT	190
8.2.2	Sub-Tema yang Paling Terserlah dalam Semua Komponen SWOT: Penggunaan Teknologi	194
8.2.3	Kesan Positif terhadap Kursus LMCP1522: Kekuatan dan Peluang (S + O)	195
8.2.4	Kesan Negatif terhadap Kursus LMCP1522: Kelemahan dan Ancaman (W + T)	198
8.2.5	Rumusan Analisis SWOT	199
8.3	Pembentukan Kerangka Strategi bagi Meningkatkan Kesedaran dan Pembudayaan Amalan Alam Sekitar melalui Kursus LMCP1522	199
8.3.1	Strategi 1: Penyampaian Maklumat untuk Menyebarkan Kesedaran Awam	201
8.3.2	Strategi 2: Pembinaan Kefahaman melalui Aspek Pendidikan	202
8.3.3	Strategi 3: Pemantapan Kemahiran dan Komitmen melalui Proses Komunikasi	203
8.3.4	Strategi 4: Pembentukan Kelangsungan Tindakan bagi Memperkasakan Pembangunan Keupayaan	203
8.4	Rumusan	207
BAB IX	RUMUSAN AKHIR	
9.1	Pengenalan	208
9.2	Ringkasan Penemuan Kajian	208
9.3	Implikasi Kajian	213
9.3.1	Implikasi kepada Bidang Ilmu	213
9.3.2	Implikasi kepada Pihak Berkepentingan	214
9.4	Sumbangan kepada Praktis	214
9.5	Limitasi Kajian	215
9.6	Cadangan Kajian Lanjutan	215
9.7	Kesimpulan	216

RUJUKAN **217****LAMPIRAN**

Lampiran A	Surat Permohonan Mendapatkan Salinan Proforma Kursus	265
Lampiran B	Surat Kebenaran Menjalankan Aktiviti Penyelidikan bersama Tenaga Pengajar dan Pelajar Kursus LMCP1522	266
Lampiran C	Borang Soal Selidik	267
Lampiran D	Jadual Formula Persampelan Berdasarkan Cadangan Krejcie & Morgan	276
Lampiran E	Soalan Temu Bual bersama Informan	277



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 2.1	Kategori dalam kerangka penilaian EL	39
Jadual 3.1	Peringkat pengintegrasian yang terdapat dalam pendekatan campuran	77
Jadual 3.2	Item-item yang terdapat dalam pengukuran pengetahuan alam sekitar	84
Jadual 3.3	Item pengukuran sikap terhadap alam sekitar	86
Jadual 3.4	Item-item yang terdapat dalam pengukuran amalan terhadap alam sekitar	87
Jadual 3.5	Indeks kesahan kandungan kesedaran terhadap alam sekitar	90
Jadual 3.6	Indeks kesahan kandungan pengetahuan alam sekitar	91
Jadual 3.7	Indeks kesahan kandungan sikap terhadap alam sekitar	91
Jadual 3.8	Indeks kesahan kandungan amalan terhadap alam sekitar	91
Jadual 3.9	Indeks kesahan kandungan penilaian sendiri pelajar	91
Jadual 3.10	Item yang digugurkan dalam proses kesahan kandungan	92
Jadual 3.11	Hasil ujian kebolehpercayaan item mengikut konstruk	94
Jadual 3.12	Hasil ujian kebolehpercayaan item mengikut konstruk setelah pengguguran item-item yang lemah	94
Jadual 3.13	Ringkasan intepretasi tahap pengetahuan, sikap dan amalan terhadap alam sekitar	97
Jadual 3.14	Jadual nilai kebolehpercayaan (kekuatan persetujuan) tema berdasarkan nilai Kappa	102
Jadual 4.1	Profil responden soal selidik	108
Jadual 4.2	Taburan jawapan dan jumlah peratusan pelajar berpengetahuan mengenai alam sekitar	117
Jadual 4.3	Kekerapan, peratusan dan interpretasi tahap pengetahuan alam sekitar pelajar	119
Jadual 4.4	Penskoran sikap terhadap alam sekitar pelajar	119

Jadual 4.5	Taburan jawapan dan jumlah peratus bagi aspek sikap pelajar terhadap alam sekitar	123
Jadual 4.6	Kekerapan, peratusan dan interpretasi tahap sikap terhadap alam sekitar pelajar	125
Jadual 4.7	Taburan jawapan dan jumlah peratusan bagi aspek amalan pelajar terhadap alam sekitar	128
Jadual 4.8	Kekerapan, peratusan dan interpretasi tahap amalan terhadap alam sekitar pelajar	130
Jadual 4.9	Ujian kenormalan data mengikut nilai <i>skewness</i> dan <i>kurtosis</i>	131
Jadual 4.10	Ujian kenormalan data mengikut Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk	131
Jadual 4.11	Kekuatan nilai pekali korelasi	132
Jadual 4.12	Analisis korelasi Spearman untuk literasi alam sekitar pelajar	133
Jadual 4.13	Rumusan ujian hipotesis	133
Jadual 6.1	Keseluruhan tema dan sub-tema dalam analisis temu bual	151
Jadual 6.2	Analisis dapatan soal selidik mengenai penilaian sendiri pelajar	153
Jadual 7.1	Label bagi tenaga pengajar yang ditemu bual	156
Jadual 7.2	Tema reka bentuk kurikulum Kursus LMCP1522	157
Jadual 7.3	Tema pendekatan pedagogi dalam P&P Kursus LMCP1522	163
Jadual 7.4	Tema peranan tenaga pengajar dalam P&P Kursus LMCP1522	174
Jadual 7.5	Tema penilaian dalam P&P Kursus LMCP1522	177
Jadual 7.6	Tema isu dan cabaran dalam P&P Kursus LMCP1522	181
Jadual 7.7	Tema cadangan penambahbaikan kursus dalam P&P Kursus LMCP1522	185
Jadual 8.1	Analisis deskriptif SWOT	192
Jadual 8.2	Sub-tema " Penggunaan Teknologi" dalam Analisis SWOT	195
Jadual 8.3	Kesan positif dalam komponen Kekuatan (S) dan Peluang(O) yang terdapat dalam jadual matriks SWOT	197
Jadual 8.4	Kesan negatif dalam komponen Kelemahan (W) dan Ancaman (T) yang terdapat dalam jadual matriks SWOT	199

Jadual 8.5	Kriteria dalam komponen SWOT	200
Jadual 8.6	Ringkasan kerangka strategi untuk meningkatkan kesedaran dan pembudayaan amalan alam sekitar melalui Kursus LMCP1522	205



SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
Rajah 1.1	Organisasi keseluruhan tesis	19
Rajah 2.1	Peristiwa dan deklarasi penting dalam kronologi evolusi pendidikan alam sekitar	27
Rajah 2.2	Sebahagian peristiwa penting dalam kronologi perkembangan EE di Malaysia	32
Rajah 2.3	Domain literasi alam sekitar	41
Rajah 2.4	Motivasi dan manfaat kesukarelawanan alam sekitar	47
Rajah 2.5	Teori pembelajaran berasaskan pengalaman	60
Rajah 2.6	Teori konstruktivisme kognitif melalui perubahan perkembangan skema	61
Rajah 2.7	Zon Perkembangan Proksimal Vygotsky	62
Rajah 2.8	Model linear sistem perubahan tingkah laku	64
Rajah 2.9	Model Hines tentang tingkah laku alam sekitar yang bertanggungjawab	64
Rajah 2.10	Komponen dalam Teori Nilai-Kepercayaan-Norma (VBN)	65
Rajah 2.11	Kerangka konsep kajian	70
Rajah 3.1	Kerangka kaedah kajian	79
Rajah 3.2	Carta alir proses analisis dan tafsiran kaedah temu bual	101
Rajah 3.3	Jadual matriks umum SWOT	104
Rajah 4.1	Sumber maklumat alam sekitar mengikut pilihan pelajar	110
Rajah 4.2	Purata masa pencarian maklumat alam sekitar dalam seminggu	111
Rajah 4.3	Isu-isu alam sekitar mengikut keutamaan/ <i>ranking</i>	112
Rajah 4.4	Aspek kelestarian yang difahami oleh pelajar	113
Rajah 4.5	Jumlah matlamat pembangunan lestari (SDG)	114
Rajah 6.1	Carta analisis tematik hasil temu bual yang dijalankan melalui perisian Atlas.ti 9	152

Rajah 6.2	Bentuk aktiviti lapangan yang diminati oleh pelajar	154
Rajah 6.3	Gred penilaian sendiri oleh pelajar	155
Rajah 8.1	Matriks umum Analisis SWOT	191
Rajah 8.2	Carta analisis tematik SWOT yang dijalankan melalui Perisian Atlas.ti 9	193
Rajah 8.3	Spektrum penyertaan awam bagi penyampaian maklumat bersifat satu hala	201
Rajah 8.4	Spektrum penyertaan awam bagi pembinaan kefahaman bersifat dua hala	202
Rajah 8.5	Spektrum penyertaan awam bagi pemantapan kemahiran yang saling berinteraksi	203
Rajah 8.6	Spektrum penyertaan awam bagi pembentukan kelangsungan tindakan yang saling melengkapi	204

SENARAI SINGKATAN

CEPA	Communication, Education and Public Awareness
CVI	Content Validity Index
EE	Environmental Education
EfS	Education for Sustainability
EL	Environmental Literacy
ESD	Education for Sustainable Development
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KAP	Knowledge-Attitude-Practice
NGO	Non-Governmental Organization
PASK	Pendidikan Alam Sekitar dan Kelestarian
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
SDG	Sustainable Development Goals
SWOT	Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats
TOT	Training of Trainers
UNESCO	The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
ZPD	Zone of Proximal Development

BAB I

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Terdapat beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian sebelum memulakan kajian tesis bagi memastikan penyelidik berada di landasan yang betul dan proses kajian dapat dilaksanakan secara tertib dan lancar. Bahagian pertama bab ini menerangkan pengenalan dan latar belakang kajian yang membawa kepada pernyataan masalah kajian. Seterusnya, persoalan kajian dibina dan empat objektif kajian telah dikenal pasti. Hipotesis kajian diutarakan bagi memandu proses kajian. Bagi melengkapi kajian tesis ini, kepentingan kajian, limitasi kajian, dan takrifan operasi diuraikan dan diakhiri dengan organisasi tesis.

1.2 PENDIDIKAN ALAM SEKITAR (EE) MEMACU KELESTARIAN

Kelangsungan hidup manusia di bumi ini memerlukan sokongan secara langsung daripada alam sekitar (Hanifah et al. 2015; Hanim et al. 2019). Kebergantungan ini amat terbatas ekoran daripada pelbagai isu alam sekitar yang serius antaranya penebangan hutan yang tidak terkawal, pencemaran air dan udara, kehilangan kepelbagaian biologi, penggunaan sumber tenaga yang tidak lestari serta pelupusan sisa pepejal yang tidak terurus yang secara langsung menjejaskan usaha ke arah mencapai kelestarian. Tambahan pula, pertumbuhan penduduk di negara-negara membangun dan kerancangan pembangunan yang pesat menyumbang kepada isu-isu kelestarian yang semakin kritikal (Zaman et al. 2011). Hakikatnya, kemerosotan kualiti alam sekitar yang semakin kritikal telah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan masyarakat seluruh dunia (Hanifah et al. 2015; Hanim et al. 2019). Malaysia juga tidak terkecuali seperti negara membangun yang lain berhadapan dengan pelbagai isu yang mendatangkan kesan negatif terhadap alam sekitar (Shahariah et al. 2012).

Menurut laporan statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (2021), seorang rakyat Malaysia dianggarkan menghasilkan sebanyak 1.17 kilogram sisa pepejal setiap hari dan anggaran sebanyak 38,123.28 tan sisa pepejal dijana setiap hari pada tahun 2020. Justeru itu, pendidikan merupakan kunci dan aspek penting untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat awam terhadap isu-isu alam sekitar (Hanifah 2013; Norizan 2010). Kajian oleh pengkaji antarabangsa mencadangkan pendidikan khususnya pendidikan alam sekitar atau *environmental education* (EE) menjadi pentas utama yang berkesan kepada masyarakat dalam menangani isu-isu alam sekitar (Hensley 2020; Tilbury & Henderson 2003). Program EE yang berkesan boleh menyumbang kepada perkembangan keupayaan masyarakat untuk mengambil tindakan positif secara sedar kepada persekitaran semula jadi mereka dan memupuk rasa tanggungjawab mereka untuk melanjutkan tingkah laku mesra alam terhadap alam sekitar (Abrash Walton et al. 2022; Heimlich & Ardoin 2008). Menurut Hanifah et al. (2015), proses ke arah pemuliharaan alam sekitar adalah seiring dengan matlamat pembangunan lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) yang dilancarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang merangkumi konsep jangka masa panjang dengan mengintegrasikan isu alam sekitar, ekonomi dan sosial. Melalui EE, kesedaran dan kepekaan terhadap perubahan fizikal, biologi, ekonomi, sosial dan politik serta implikasi perubahan-perubahan tersebut terhadap persekitaran semula jadi boleh diterapkan dalam kalangan masyarakat secara individu atau kolektif.

1.2.1 Inisiatif Pendidikan Alam Sekitar (EE) di Malaysia

Kajian awal di Malaysia pada tahun 1970-an dan 1980-an menunjukkan masyarakat sedar tentang akan kemerosotan alam sekitar yang terjadi tetapi tidak memberikan tumpuan sewajarnya bagi mengurangkan masalah tersebut (Abdul Samad 1990). Lantaran itu, semua pihak perlu sentiasa bertanggungjawab terhadap setiap tindakan yang diambil untuk meningkatkan kelestarian alam sekitar. Hal ini kerana pelbagai penemuan kajian menunjukkan bahawa amalan tidak bertanggungjawab telah menyumbang kepada kemerosotan alam sekitar (Taufique et al. 2014). Justeru, Malaysia telah mengorak langkah proaktif dalam mempromosikan penggunaan lestari melalui program kesedaran yang dijalankan kepada semua peringkat umur termasuk peranan belia (Tan & Lau 2009). Kerajaan turut menekankan penglibatan pelajar terutamanya belia terhadap aspek kelestarian seperti memelihara dan memulihara alam

sekitar bagi memastikan keperluan dan kesejahteraan manusia terjamin (Foo 2013). Lantaran itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif memperkenalkan pendidikan alam sekitar (EE) di peringkat sekolah rendah dan menengah sebagai satu kaedah penting untuk menyebarkan kesedaran dan pendedahan mengenai alam sekitar (Abdullah et al. 2013; Maria & Hazinah Nor 2009). Malahan, kesinambungan EE di peringkat pengajian tinggi juga mula mendapat sambutan menggalakkan. Walau bagaimanapun, Thang dan Kumarasamy (2006) melaporkan bahawa pelajar di Malaysia menganggap EE hanyalah sebagai satu topik untuk mereka pelajari tanpa ada keperluan untuk dikaitkan dengan kehidupan sebenar mereka. Hasil kajian oleh Mohd Fazli Hasan et al. (2013) mengukuhkan lagi fakta bahawa golongan belia mempunyai pengetahuan mengenai alam sekitar namun mereka tidak dapat menghayati pengetahuan yang dimiliki seterusnya mengakibatkan kegagalan mereka untuk menterjemahkan pengetahuan kepada amalan dan tindakan mesra alam sekitar yang lestari.

Pendidikan alam sekitar (EE) merujuk kepada usaha terancang yang dilakukan supaya kesejahteraan dan kelangsungan hidup masyarakat dan alam sekitar terpelihara dan berkekalan (Haliza 2017). Pengajaran EE berkait rapat dengan matlamat negara untuk membina masyarakat yang cakna dan memiliki pengetahuan yang tepat, kemahiran dan nilai terhadap isu alam sekitar dan berkeupayaan untuk memberi sumbangan kepada penyelesaian masalah alam sekitar. Menurut Hanim et al. (2019), institusi pendidikan seperti sekolah telah dikenal pasti menjadi salah satu cara utama untuk menangani masalah berkaitan alam sekitar. Satu cara untuk melaksanakan EE adalah dengan mengintegrasikan EE dalam pengajaran di dalam kelas. Dalam erti kata lain, EE merentas kurikulum umumnya memerlukan semua mata pelajaran terlibat dan menyumbang kepada EE. Di Malaysia, EE sering diketepikan yang mana sukatan pelajaran semasa didapati hanya mempunyai beberapa unsur EE yang diselitkan bersama dengan beberapa subjek dan melalui kelab-kelab pencinta alam (Haliza 2017). Mata pelajaran EE masih tidak dapat berdiri sebagai satu subjek teras atau tunggal. Kebanyakannya diintegrasikan dalam semua mata pelajaran secara rentas kurikulum (Heng et al. 2024). Kesannya, pengetahuan pelajar tentang alam sekitar amat terhad, kemahiran dan sikap mereka terhadap alam sekitar juga sangat rendah bahkan terdapat segelintir mereka yang tidak terdedah kepada perkara-perkara yang

berkaitan dengan alam sekitar serta tidak mempedulikan tentang permasalahan alam sekitar (Haliza 2017). Tambahan pula, pengujian dan penilaian tahap penguasaan pelajar terhadap pengetahuan EE kurang dilaporkan sebagaimana mata pelajaran akademik yang lain (Abdul Samad 2000).

Dalam konteks perspektif pendidik, Abdul Rahman et al. (2021) menegaskan bahawa kualiti pelaksanaan amat bergantung kepada kesedaran dan minat mereka secara individu. Pendidik sebagai pengantara sumber ilmu yang penting sewajarnya menggunakan segala bahan seperti buku panduan untuk memandu mereka melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P & P) yang berkaitan dengan EE dengan lancar. Pendidik juga seharusnya menggunakan segala peluang yang ada untuk menyemai, memupuk dan melestarikan EE melalui aktiviti di institusi pendidikan sama ada di dalam atau di luar kelas kerana ini mencerminkan tahap komitmen mereka (Hanim et al. 2019; Mohammad Zohir & Nordin 2007). Lee (1993) melaporkan guru di sekolah masih menggunakan strategi tradisional yang berasaskan sumber semasa mengajar topik-topik terpilih alam sekitar. Rusli dan Yusuf (2022) melaporkan bahawa kajian yang dijalankan oleh Ballantyne (1999) dalam kalangan guru Geografi dan guru pendidik di 18 buah negara antaranya Australia, Kanada, Finland, Korea, Jepun, Afrika Selatan, Singapura dan Amerika Syarikat mendapati pengajaran berpusatkan guru seperti penyampaian dan perbincangan di dalam kelas menjadi pilihan utama dalam kaedah mengajar EE yang dianggap kurang berkesan dengan konsep EE yang berteraskan elemen sikap dan tingkah laku. Sebaliknya, pendekatan berpusatkan pelajar seperti kajian lapangan, perbincangan dalam kumpulan kecil dan menjalankan penyiasatan terhadap isu-isu alam sekitar tempatan yang kontroversi hanya dilakukan oleh guru sekali-sekala. Guru tidak menggunakan teknik main peranan (*role play*), permainan dan simulasi, perbahasan dan perbincangan dengan alasan sukatan yang luas dan ketat (Mohammad Zohir Ahmad 2012). Lee (2023) menegaskan bahawa kaedah pengajaran secara konvensional tidak dapat memenuhi objektif EE. Umumnya, guru telah menjalankan tugas pengajarannya di dalam kelas tetapi tidak banyak melaksanakan aktiviti berbentuk *hands-on* secara individu atau kumpulan.

Pelbagai inisiatif yang bersesuaian dirancang untuk mengintegrasikan konsep pembangunan lestari terutamanya dalam aspek pengurusan dan perkembangan

pendidikan di universiti dalam konteks penyediaan kursus dan program. Universiti dilihat sebagai sebuah institusi yang unik dan boleh membantu menyelesaikan cabaran pelaksanaan kelestarian alam sekitar, ekonomi dan sosial (Kiang 2004). Pengubahsuaian corak tingkah laku pelajar terhadap kelestarian alam sekitar boleh dilakukan dengan cara mendidik mereka melalui strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih dinamik di peringkat universiti (Clavijo 2018). Menerusi pendekatan tersebut, secara tidak langsung, motivasi mereka dapat dirangsang dengan penerapan konsep alam sekitar dan kelestarian dalam kursus pengajian yang diikuti oleh yang demikian, pelaksanaan kursus alam sekitar yang bertemakan pendekatan penjelajahan dan pembelajaran aktif di peringkat universiti dilihat relevan dan wajar diberi perhatian dalam usaha untuk memperkasakan amalan pembudayaan alam sekitar dalam kalangan pelajar.

1.2.2 Pembelajaran Berasaskan Pengalaman melalui Pendidikan Alam Sekitar (EE)

Secara umumnya, pendidikan alam sekitar (EE) dilihat sebagai proses pembelajaran sepanjang hayat (*life-long learning*) seiring dengan objektif EE yang digariskan dalam Deklarasi Tbilisi (1977) mengenai perihai meningkatkan kesedaran, kepekaan, sikap, motivasi, kemahiran dan tingkah laku manusia terhadap alam sekitar. Peralihan sikap manusia yang lebih menyokong kepada tingkah laku positif terhadap alam sekitar diperlukan bagi menangani masalah alam sekitar (Ahmed & Mohammed Al-Mekhlafi 2009). Bagi memenuhi keperluan tersebut, pelaksanaan EE boleh dilaksanakan secara formal di dalam kelas mahupun pengendalian tidak formal di luar kelas yang lebih bersifat aktiviti lapangan. Menurut Azizi Muda et al. (2012), para pelajar dikatakan lebih mudah memahami dan mengaplikasikan apa yang dipelajari berkaitan EE melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman atau *experiential learning model* yang diperkenalkan oleh Kolb (1984). Model tersebut diketengahkan sebagai proses pembelajaran yang menjana pengetahuan melalui transformasi pengalaman seseorang. Model Kolb boleh ditafsirkan dalam bentuk satu kitaran pembelajaran merangkumi pengalaman konkrit atau langsung, pemerhatian reflektif, konseptual abstrak dan eksperimentasi aktif. Secara ringkasnya, proses pembelajaran tersebut melibatkan seseorang pelajar menerima maklumat melalui pengalaman konkrit dan konseptual abstrak dan kemudiannya memproses cara maklumat tersebut melalui

pemerhatian reflektif dan eksperimentasi aktif dengan cara melakukan (*learning by doing*). Model Pembelajaran Kolb merupakan satu model pembelajaran berasaskan pengalaman yang mendapat perhatian pelbagai bidang pengajian khususnya EE yang lebih sinonim dengan keperluan latihan atau aktiviti amali (Rohaila Yusof et al. 2005).

1.3 PENDIDIKAN ALAM SEKITAR (EE) DI UNIVERSITI: KAJIAN KES KURSUS PENJELAJAHAN EKOSISTEM ALAM SEKITAR (LMCP1522)

Kesedaran terhadap pendidikan alam sekitar bukan sahaja diterap di peringkat sekolah tetapi kesinambungan EE ini berterusan hingga ke peringkat universiti. Menyokong usaha ini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Pusat Pengajian Citra telah memperkenalkan pelbagai kursus berkaitan alam sekitar dan kelestarian. Salah satu kursus yang ditawarkan ialah Kursus Penjelajahan Ekosistem Alam Sekitar (Kod: LMCP1522). Sehubungan itu, kajian tesis ini mengambil kursus ini sebagai kajian kes untuk menilai aspek implikasi dalam konteks kesedaran dan pembudayaan dalam kalangan pelajar. Menyingkap sejarah penubuhan kursus ini, Program UKM Lestari telah dilancarkan pada tahun 2007 bertujuan untuk merealisasikan pembangunan lestari berteraskan pengintegrasian dan pembangunan keseluruhan universiti (Norfadillah Derahim et al. 2012). Rentetan itu, salah satu kumpulan penyelidikan bawah Kluster Penyelidikan Kampus Lestari UKM Lestari iaitu Kumpulan Pengurusan Ekosistem Lestari telah mengambil inisiatif memperkenalkan Program *Ecosystem Discovery Journey* (EDJ) iaitu siri yang terdiri daripada lima modul pembelajaran asas (Hutan, Air, Tanah, Tenaga dan Pengurusan Sisa Pepejal) yang dibentuk untuk memberi pendedahan mengenai konsep, peranan dan pengurusan ekosistem dalam interaksi manusia-alam sekitar. Program EDJ tersebut diterajui oleh Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI UKM). Siri modul EDJ telah dihasilkan dengan kerjasama penyelidik daripada pelbagai bidang kepakaran dan melibatkan pelajar universiti, kakitangan akademik, ahli komuniti dan pihak industri secara keseluruhannya. Justeru, siri modul ini telah dijadikan sebagai pendidikan alam sekitar berbentuk formal melalui Kursus LMCP1522 serta penubuhan Kelab Ekorelawan sebagai inisiatif EE tidak formal. Penekanan kursus ini lebih menengahkan pembelajaran berasaskan pengalaman melalui aktiviti lapangan dan amali di samping pendedahan mengenai ilmu asas berbentuk teori kepada para pelajar prasiswazah yang terlibat.

Oleh yang demikian, kajian tesis ini memberi fokus kepada EE dalam usaha untuk menggalakkan amalan pembudayaan alam sekitar terhadap pelajar melalui Kursus LMCP1522 yang bersifat pembelajaran berasaskan teori dan aktiviti amali di lapangan sebagai elemen utama dalam pelaksanaan kursus tersebut. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada tenaga pengajar mahupun pengendali kursus untuk mencapai matlamat membentuk masyarakat yang cakna terhadap alam sekitar seiring dengan matlamat pembangunan lestari.

1.4 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini cuba menghujahkan bahawa pembudayaan alam sekitar dapat digerakkan melalui peningkatan kesedaran, tindakan dan amalan kelestarian. Kesemuanya amat bergantung kepada literasi pendidikan yang merangkumi aspek pengetahuan, sikap dan amalan. Isu kelestarian alam sekitar di seluruh dunia semakin diancam dan terus dihipit dengan pelbagai cabaran berpunca daripada tindakan manusia itu sendiri (Arslan 2012; Li et al. 2019; Ramani & Dongre 2012). Tindakan manusia yang sebahagian besarnya dipengaruhi oleh norma sosial, kepercayaan, dan nilai menyumbang kepada pelbagai kemerosotan alam sekitar dan menjejaskan proses mencapai kelestarian bagi jangka masa panjang (Carvalho et al. 2018; Lange & Dewitte 2019; Thondhlana & Hlatshwayo 2018). Secara umumnya, masalah alam sekitar berlaku akibat tingkah laku manusia yang kurang cakna terhadap alam sekitar (Jena & Behera 2017; Rogayan & Nebrida 2019). Malaysia juga turut tidak terkecuali berhadapan dengan cabaran dalam menangani isu alam sekitar. Antara punca utama masalah berkaitan isu alam sekitar datangnya daripada kejahilan manusia terhadap kesan yang berlaku kepada bumi oleh kerana kurangnya pengetahuan dan komitmen untuk bertindak secara kolektif menyebabkan manusia tidak mengamalkan penggunaan lestari (Hezri & Dovers 2013; Huang & Rust 2011; Jusoh et al. 2018; Komatsu et al. 2020). Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan seperti menjalankan penyelidikan, melibatkan pihak media dalam penyampaian maklumat, dan menjalankan kempen oleh kumpulan bertanggungjawab, namun hakikatnya isu alam sekitar masih belum dapat ditangani sepenuhnya. Rentetan itu, pendidikan alam sekitar (EE) diperkenalkan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kesedaran terhadap isu-isu alam sekitar dalam kalangan masyarakat (Balakrishnan et al. 2020; Tilbury &

Henderson 2003; UN 2012). Pelaksanaan pendidikan alam sekitar (EE) yang berkesan mampu menyumbang kepada perkembangan keupayaan masyarakat untuk mengambil tindakan positif secara sedar dan bertanggungjawab, peka terhadap perubahan fizikal, biologi, ekonomi, sosial dan politik serta implikasi perubahan-perubahan tersebut terhadap persekitaran semula jadi mereka (Balakrishnan et al. 2020; Hanifah et al. 2015; Heimlich & Ardoin 2008). Pendidikan alam sekitar (EE) mula diperkenalkan di Malaysia pada peringkat sekolah dan peringkat pengajian tinggi sebagai salah satu instrumen penting dan berkesan dalam membantu generasi masa hadapan untuk meningkatkan kualiti hidup dan alam sekitar (Abdullah et al. 2013; Maria & Hazinah Nor 2009; Ridwan et al. 2023).

Namun begitu, inisiatif EE tidak pernah sunyi daripada pelbagai masalah dan cabaran dalam pelaksanaannya, sebagai contoh, terdapat segelintir pelajar yang menganggap EE tiada keperluan untuk dikaitkan dengan kehidupan sebenar mereka dan seterusnya gagal untuk menterjemahkan pengetahuan kepada amalan dan tindakan mesra alam sekitar yang lestari (Janmaimool & Khajohnmanee 2019; Mohd Fazli Hasan et al. 2013; Thang & Kumarasamy 2006). Senario sedemikian jelas menunjukkan kewujudan jurang sikap – tingkah laku dalam konteks pendidikan alam sekitar (Park & Lin 2020). Salah satu cara untuk mengatasi masalah tersebut adalah dengan mengintegrasikan EE secara rentas kurikulum semua mata pelajaran. (Favaloro et al. 2019; Larsen & Azizi 2000). Walau bagaimanapun, kesannya tidak membuahkan hasil dan pelajar masih tidak mempedulikan tentang permasalahan alam sekitar (Haliza 2017; Komatsu et al. 2020). Selain itu, masalah lain yang terdapat dalam pelaksanaan EE juga termasuklah kekurangan sistem penilaian tahap penguasaan pelajar terhadap pengetahuan EE (Glavic 2020; Leal Filho et al. 2022), guru tidak menggunakan teknik pengajaran EE yang tepat di samping isu sukatan mata pelajaran EE yang luas dan ketat (Mohammad Zohir Ahmad 2012; Piscová et al. 2023), serta kekurangan pengajaran EE berbentuk *hands-on* (Aleixo et al. 2018; Rampasso et al. 2019). Menurut beberapa pengkaji, salah satu cara untuk mengatasi masalah EE adalah dengan mewujudkan kursus-kursus elektif berkaitan kelestarian yang menghubungkan sains alam dengan sains sosial dalam bentuk amali (Janmaimool & Khajohnmanee 2019; Lozano et al. 2015). Malah cara ini telah berjaya memberikan impak positif kepada persepsi pelajar terhadap kelestarian dengan

menggunakan pendekatan penjelajahan dan pembelajaran aktif walaupun hanya dengan satu kursus alam sekitar sahaja (Braßler & Sprenger 2021; Zeegers & Clark 2014).

Kesedaran dan pembudayaan amalan alam sekitar dapat ditingkatkan melalui platform pendidikan. Rentetan itu, Kursus Penjelajahan Ekosistem Alam Sekitar (LMCP1522) diperkenalkan di peringkat universiti sebagai salah satu kursus bagi pendidikan alam sekitar bertujuan untuk pengembangan ilmu, teori dan pengalaman amali dalam kalangan pelajar. Kajian tesis ini dilakukan dengan merujuk Kursus LMCP1522 sebagai kajian kes, dalam keperluan menyerlahkan keupayaan pelajar bagi melaksanakan pelbagai aktiviti kepada masyarakat awam dapat ditonjolkan. Dalam erti kata lain, pelajar universiti boleh membantu untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam kalangan masyarakat awam melalui ilmu, pengetahuan dan amalan. Oleh itu, masalah yang ingin dikaji adalah, adakah pembelajaran alam sekitar melalui kursus ini boleh memenuhi keperluan perkembangan EE untuk pembangunan lestari dan meningkatkan kesedaran alam sekitar dan seterusnya memupuk pembudayaan amalan mesra alam sekitar dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus ini. Dalam kajian tesis ini, adakah Kursus LMCP1522 ini berupaya untuk menjadi satu pendekatan kepada pelaksanaan EE di peringkat universiti, juga menjadi pernyataan masalah. Oleh yang demikian, status kesedaran dan tahap literasi pelajar yang mengambil Kursus LMCP1522 perlu dinilai sebagai salah satu input yang akan digunakan dalam pembentukan kerangka strategi untuk meningkatkan kesedaran dan pembudayaan amalan alam sekitar dalam kalangan pelajar. Di samping itu, perspektif daripada tenaga pengajar juga perlu diambil kira dalam memastikan strategi pelaksanaan EE dalam konteks P&P dapat dijalankan dengan berkesan. Justeru, strategi tersebut diperlukan untuk menjadi panduan kepada tenaga pengajar atau pengelola kursus elektif ini untuk mentadbir pelaksanaan EE di peringkat universiti. Sehubungan dengan itu, permasalahan kajian ini adalah bagi membentuk kerangka strategi untuk meningkatkan kesedaran dan pembudayaan amalan alam sekitar dalam kalangan pihak berkepentingan termasuk komuniti universiti dan komuniti awam yang berkaitan.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

